

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS]**

**SOALAN NO. 313**

Minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan jenis dan tahap pencemaran udara di kawasan Sitiawan, Kampung Acheh dan Kampung Dato' Seri Kamaruddin di daerah Manjung, Perak.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Merujuk kepada bacaan Indeks Pencemar Udara (IPU) dari Stesen Pengawasan Kualiti Udara oleh Jabatan Alam Sekitar mendapati status kualiti udara di Daerah Manjung dari Januari 2019 hingga 31 Jun 2019 menunjukkan kualiti udara berada dalam keadaan sederhana sepanjang masa. Tiada bacaan IPU tidak sihat dikesan sepanjang tahun 2019.
2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Alam Sekitar Negeri telah menguatkuasakan Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 dan pemantauan secara 'online' bagi memastikan punca-punca pelepasan ke udara dari aktiviti perindustrian di sekitar Daerah Manjung mematuhi standard yang telah ditetapkan.
3. Tahap kualiti udara dan bacaan IPU diseluruh juga boleh disemak oleh orang awam di portal [apims.doe.gov.my](http://apims.doe.gov.my)

Sekian, terima kasih.